

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020 | SELASA**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membatalkan proses penstrukturan semula dan pemulihan Tabung Haji (**TH**) yang melibatkan pemindahan aset-aset **TH** yang tidak berdaya saing (non-performing asset) bernilai RM19.9 bilion ke syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB).

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah dimuktamadkan pada 30 Mei 2019 oleh kerajaan yang lalu.

Di bawah Pelan Pemulihan dan Penstrukturan ini, **TH** memperoleh manfaat kewangan hasil daripada penerbitan Sukuk berjumlah RM19.6 bilion. Sukuk ini dan tunai sebanyak RM300 juta dijadikan tukaran kepada aset-aset **TH** yang kurang berdaya saing yang dipindah milik kepada Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik Kerajaan, iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB). Sukuk ini disasarkan memberi pulangan tahunan sebanyak

## NO. SOALAN : 38

4.05% sehingga 4.1% atau bersamaan hampir RM800 juta setahun kepada **TH**. Langkah ini adalah untuk menutup jurang defisit antara nilai aset dan liabiliti di samping membolehkan pengagihan hibah kepada pendeposit berlandaskan Akta Tabung Haji 1995.

Walaupun bagaimanapun, semasa keputusan berkenaan pelan penstrukturan ini dibuat oleh kerajaan yang lalu, timbul persoalan berkenaan keterjaminan nilai sukuk tersebut. Perkara ini menjadi salah satu teguran utama Jabatan Audit Negara semasa menyediakan Laporan Audit Kewangan bagi Tahun 2018, yang dinyatakan dalam *Emphasis of Matter* Ketua Audit Negara dalam laporan tersebut.

Kerajaan akan memperhalusi semula pelan penstrukturan tersebut dari segenap aspek. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan membincangkan jalan terbaik bersama Kementerian Kewangan berkenaan perkara tersebut, termasuk berkenaan keterjaminan sukuk yang dinyatakan. Ini bagi memastikan kepentingan **TH** terpelihara dan pada yang sama tidak membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.